

22 SEP 1997

Isa-jerebu

TIGA KILANG DI NILAI DIARAH KURANGKAN PENGELUARAN ASAP

SEREMBAN, 22 Sept (Bernama) -- Tiga buah kilang yang beroperasi di kawasan perindustrian Nilai telah diarah supaya mengurangkan pengeluaran asap bagi membantu mengurangkan jerebu di kawasan tersebut.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, arahan terhadap kilang-kilang berkenaan telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dua minggu lepas.

"Selain tiga kilang terbabit, kilang lain yang turut mengeluarkan asap di kawasan berkenaan akan diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)", katanya kepada pemberita selepas melancarkan tabung amanah sukarela Rejimen 508 di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kilang-kilang yang mengeluarkan asap memberhentikan operasi buat sementara bagi membantu mengatasi masalah jerebu yang dihadapi negara sekarang.

"Setakat ini Kerajaan Negeri tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan kerjasama daripada kilang-kilang yang beroperasi di kawasan berkenaan," katanya.

Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri baru-baru ini juga telah bersetuju untuk mengambil langkah-langkah perlu sekiranya keadaan jerebu di Nilai bertambah buruk.

Beliau berkata, kuari-kuari yang beroperasi di Nilai diminta menurap jalan dengan tar bagi mengelakkan pencemaran debu dan habuk.

Pengusaha kuari berkenaan sebelum ini telah diminta supaya menyimbah air ke atas jalan-jalan berkenaan setiap hari, tetapi ia didapati tidak berkesan untuk mengawal pencemaran debu dan habuk, katanya. -- BERNAMA

RAB RI